

UiTM unggul pertandingan debat

BA 15/12/06

Oleh Wan Jailani Razak

PASUKAN debat Universiti Teknologi Mara (UiTM) terus disegani institusi pengajian tinggi awam lain apabila mengungguli kategori bahasa Melayu dan bahasa Inggeris pertandingan utama debat yang disertai sehingga kini.

Kejayaan itu membuktikan universiti berkenaan tetap memperkasa bahasa Melayu ketika penguasaan bahasa Inggeris dianggap penting untuk meningkatkan pencapaian pelajar.

Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, berkata kejayaan terbaru pasukan debat universiti itu ialah juara kategori muda dan naib johan kategori utama bagi bahasa Melayu pada Pertandingan Debat Piala Diraja di Universiti Malaysia Sarawak, baru-baru ini.

Bagi kategori muda, katanya, UiTM menewaskan nama besar dalam arena perdebatan iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ketika berdebat sebagai pembangkang bagi usul bertajuk *Dasar berkecuali Sudah Tidak Relevan*.

"Kemenangan UiTM bertambah manis apabila pendebat keduanya, Zarul Azhar Nasir, dinobatkan pendebat terbaik pusingan akhir," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Bangunan Canseleri, Kampus Induk UiTM di Shah Alam, baru-baru ini.



JUARA DEBAT: Ibrahim (tiga dari kanan) bersama pelajar UiTM yang menjuarai Pertandingan Debat Piala Diraja, baru-baru ini.

Ibrahim berkata, pihaknya berpuas hati di tempat kedua bagi kategori utama selepas Universiti Malaysia dan menganggap ia satu kejayaan membanggakan kerana universiti itu sudah dua tahun berturut-turut layak ke pertandingan akhir, selain seorang wakilnya, Muhammad

Hafiz Hood diumumkan antara lima pendebat terbaik keseluruhan.

UiTM turut mencatatkan kecemerlangan apabila pasukan pendebatnya muncul juara bagi kategori bahasa Inggeris pertandingan sama menewaskan 14 institusi pengajian tinggi lain.

Kejayaan itu melayakkan pasukan debat universiti itu mewakili negara ke pertandingan debat di Vancouver, Kanada, akhir bulan ini, sekali gus membuka peluang memperbaiki kedudukan tahun lalu apabila berada dalam kelompok 50 pasukan pendebat terbaik dunia.